


Memori KORPORAT

UITM DALAM SEJARAH

ENCIK WAHID SULAIMAN YANG DI PERTUA KKUITM BAHARU



Encik Abdul Wahid Sulaiman
Yang DiPertua KKUITM

Mesyuarat Agung Kesatuan Kakitangan Umum ITM (KKUITM) pada 6 November 1982 telah mengumumkan Encik Abdul Wahid bin Sulaiman telah menang tanpa bertanding bagi memegang jawatan Yang Dipertua KKUITM. Beliau akan memegang tampuk teraju Kesatuan ini bagi tahun 1982/84. Encik Johar Bachek Yang Dipertua sebelumnya telah tidak bertanding untuk tahun ini. Manakala jawatan Setiausaha Agung masih terus kekal dipegang oleh Encik Mohd. Yusop Hassan. Beliau berjaya mengekalkan jawatannya dengan mendapat 675 undi. Dengan kemenangan ini Encik Mohd. Yusop telah memegang jawatan Setiausaha Agung KKUITM untuk tujuh penggal berturut-turut, iaitu sejak tahun 1975.

Mesyuarat Agung ini telah dirasmikan oleh Tuan Pendaftar, Tuan Hj. Mohd. Zain Hj. Omar. Beliau telah memuji sikap KKUITM yang sentiasa memberi kerjasama erat kepada pihak pentadbir di samping



Encik Yusop Hassan
Setiausaha Agung KKUITM

menjaga kepentingan ahli-ahlinya. Turut hadir memberi ucapan ialah Encik Jamaluddin bin Isa, Setiausaha Agung CUEPACS.

Di antara resolusi yang diputuskan di dalam Mesyuarat Agung KKUITM ialah:

- i. Menggesa pihak ITM untuk meminta pihak JPA menyelaraskan skim gaji bagi semua jawatan di ITM dengan universiti-universiti lain di Malaysia.
- ii. Menggesa pihak ITM mempercepatkan pembinaan Pusat Islam untuk menyenangkan kakitangan dan pelajar menyempurnakan sembahyang lima waktu dan sembahyang Jumaat.
- iii. Meluluskan usul ucapan terima kasih KKUITM kepada Pengarah dan Pendaftar ITM.
- iv. Meluluskan usul pembelian sebuah bangunan sebagai harta tetap untuk disewa bagi mendapat hasil untuk tabung KKUITM.

Rujukan:

1. BERITA ITM (1 Disember, 1982). Wahid Sulaiman Yang DiPertua KKUITM Baharu. ms.3.
Shah Alam : Institut Teknologi MARA.

BIL: 130/SEPTEMBER 2023